

# Mengingati Tun Abdul

## Ghafar Baba

(Sambungan dari keluaran yang lalu)



Tun Ghafar tiba di Istana Negara bersama isteri keduanya, Heryati Abdul Rahim untuk menghadiri Hari Keputeraan Sen Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong beberapa tahun lalu.



دكتور محضر محمد دان ا. غفار باب سبائك تيبا دفكا راقن فوسه دا كفن دنيا فتر في دهبوتق. سي. با. كوالا لهور كلارين انتوق مفاخيري فرصيتون كاكورغ ايبو. عا. ١٠٠٠

Gambar yang dirakamkan pada Perhimpunan Agung UMNO 1990 menunjukkan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (Tun) bersama timbalannya Encik Abdul Ghafar Baba (Tun).



Tun Ghafar begitu mesra dengan kanak-kanak - Tun Ghafar sedang bertanya sesuatu kepada cucuanda penulis, Farah Natasha, apabila mengunjungi rumah terbuka penulis pada bulan Februari 2003. Ketika itu Tun Ghafar sihat.

**KETIKA** UMNO menghadapi masalah dalaman dan orang Melayu berpecah, saya terpaksa memberanikan diri untuk menemui Encik Ghafar Baba untuk membincangkan beberapa perkara penting yang harus diatasi dengan seberapa segera supaya keadaan yang membimbangkan itu tidak berlarutan dan perpaduan orang Melayu terugat terus.

Di sini saya siarkan satu artikel yang saya tulis bersabit pertemuan saya dengan Encik Ghafar Baba yang dimuatkan dalam buku saya bertajuk, "Ke Arah Perpaduan" yang siap pada 8 November 1990 dengan harapan ia dapat dilancarkan bersama oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (Tun).

Tetapi sedih kerana hasrat saya untuk memulihkan hubungan mereka semula setelah saya temukan ke dua-dua tokoh itu pada 11 November 1989, melalui pelancaran buku saya itu tidak kesampaian apabila Tunku jatuh gering ketika melawat Kuching, Sarawak dan menemui Allah SWT pada 6 Disember 1990.

Selain dari peristiwa sedih itu, sebelum diadakan pertarungan di antara Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (Tun) dengan Presiden Parti Melayu Semangat '46, Tengku Razaleigh Hamzah pada 27 April 1987, saya telah mengadap Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman di kediamannya di Pulau Pinang untuk membincangkan isu hangat dan amat membimbangkan orang Melayu di masa itu.

Menurut Tunku satu cara yang terbaik dan mungkin boleh diterima bagi menyelesaikan masalah itu ialah dengan Dr. Mahathir melantik Tengku Razaleigh sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Ghafar Baba dilantik sebagai Gabenor Pulau Pinang atau Melaka.

Tentang Musa Hitam pula yang menentang Ghafar Baba bagijawatan timbalan Presiden UMNO. Tunku mencadangkan agar beliau dihantar ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai wakil negara ke Badan Dunia itu.

Itulah cadangan Tunku setelah beliau memikirkannya dengan semasak-masaknya, tetapi malang kerana keadaan tidak mengizinkan untuk Tunku menyampaikan cadangan tersebut kepada Dr. Mahathir disebabkan masa begitu menekan dan suntuk ketika itu dan keadaan pun tidak menentu maka berterusanlah pergeseran di antara Dr. Mahathir dengan Tengku Razaleigh dan juga dengan Musa Hitam.

Ghafar Baba seolah-olah-tersepit tetapi terpaksa juga mempertahankan kedudukannya sebagai Timbalan Presiden UMNO yang sebelum itu di sandang oleh Musa Hitam.

Apabila Musa Hitam membuat keputusan mengejut dengan meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan sekaligus sebagai Timbalan Presiden UMNO kerana tidak bersetuju dengan cara Dr. Mahathir mentadbir negara dan Musa Hitam pula telah didakwa mengedarkan satu surat yang mencera Dr. Mahathir kerana Musa Hitam dikatakan tidak bersetuju

diatas pelantikan Tengku Razaleigh sebagai Menteri Perdagangan dan Industri kerana dikhuatiri Tengku Razaleigh akan menggunakan kedudukannya sebagai menteri untuk memperkukuhkan kedudukannya, maka Dr. Mahathir tidak mempunyai timbalan buat masa yang agak lama.

Rakyat mula tertanya-tanya mengapa Dr. Mahathir mengambil masa yang begitu panjang untuk mencari ganti Musa Hitam. Apapun, Dr. Mahathir akhirnya telah membuat keputusan yang tidak disangka-sangka dengan menawarkan kerusi tersebut kepada Ghafar Baba untuk menyertai kabinet dan mula menjalankan tugas pada 18 Mei 1986 sebagai Timbalan Perdana Menteri yang telah ditinggalkannya selama lebih dari 10 tahun.

Dan sesungguhnya pada suatu ketika apa bila Dr. Mahathir ditanya oleh pihak media siapa bakal penganti beliau sebagai Perdana Menteri jika sesuatu yang tidak diingini berlaku ke atas dirinya, Dr. Mahathir tidak teragak-agak menyatakan bahawa Ghafar Baba lah pengantinya. Begitulah kepercayaan Dr. Mahathir terhadap Ghafar Baba ketika itu dan sesungguhnya juga pada suatu ketika Ghafar Baba pernah dilantik sebagai pemangku Perdana Menteri apabila Dr. Mahathir berada di luar negara.

Jadi apabila Dr. Mahathir mengumumkan hasratnya melepaskan jawatan beberapa bulan sebelum ia benar-benar berlaku, Ghafar Baba yang keyika itu sudah bergelar 'Tun' merasa begitu sedih sekali dan menangis teresak-esak.

Saya berada di Lapangan Terbang Sungai Besi menyaksikan peristiwa yang menyayat perasaan itu sekembali Dr. Mahathir ke tanah air dari luar negara. Beribu-ribu ahli UMNO dan penyokong-penyokong Dr. Mahathir telah berkumpul berjam-jam di lapangan terbang untuk mengalu-alukan kepulangan wira negara yang mereka sanjungi, hormati dan kasihi itu.

### BERKORBAN

Biarpun, Tun Ghafar tidak berapa sihat ketika itu tetapi mengagahkan juga diri untuk turut sama menyambut kepulangan Dr. Mahathir dengan berkerusi roda. Apabila Dr. Mahathir ternampak Tun Ghafar beliau terus meng-



Tun Dr. Mahathir Mohamad



Tun Musa Hitam



Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj




Tengku Razaleigh Hamzah



Datuk Seri Anwar Ibrahim



Bekas isteri Tun Ghafar Baba, Heryati Abd Rahim ditemani anak bongsu Tun Ghafar, Kartika Sari dan keluarga Heryati kelihatan sedang membaca Surah Yassin di Pusara alahyarham bekas Timbalan Perdana Menteri itu, baru-baru ini



Gambar Encik Ghafar Baba ketika mengangkat sumpah memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dihadapan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamed (Tun).

hampiri beliau dan bersalamah. Tun Ghafar terus memeluk Dr. Mahathir sambil menangis tanpa menghiraukan orang-orang yang memerhati disekeliling kerana sedih yang Dr. Mahathir akan berundur. Dr. Mahathir cuba mententeramkan Tun Ghafar yang juga telah begitu banyak berkorban untuk bangsa dan negara tanpa mempunyai kepentingan diri selain membantu Dr. Mahathir menyelesaikan beberapa masalah parti dan dalam pentadbirannya.

Begitulah eratnya hubungan Tun Ghafar Baba dengan Dr. Mahathir dan apabila Dr. Mahathir menghadapi masalah dengan Perlembagaan dan Raja-raja Melayu. Tun Ghafarlah yang menjadi benteng untuk mempertahankan keputusan Kerajaan dan UMNO di Dewah Rakyat.

Kepergian Tun Abdul Ghafar Baba adalah satu kehilangan yang amat besar kepada bangsa dan negara. Beliau banyak memainkan peranan penting dalam UMNO, Barisan Nasional dan Kerajaan, tetapi apa yang amat

menyedihkan dan sukar untuk dimaafkan beliau ialah apabila Anwar Ibrahim yang ketika itu menjadi Menteri Kewangan tidak mengotakan janjinya yang dibuat kepada Tun Ghafar Baba untuk tidak menentang beliau bagi kerusi Timbalan Presiden UMNO.

Justeru, banyak detik-detik yang menyedihkan lagi mengecewakan yang terpaksa dilalui bekas Timbalan

**LIHAT MUKA 6**

## BAB 12 - DR. ABDUL GHAFAR BIN BABA

Saya sudah cuba berkali-kali hendak menemui Dr. Ghafar Baba, iaitu Timbalan Perdana Menteri tetapi tidak berhasil kerana beliau dikatakan seperti "gasing" yang sentiasa berpuhsing. Beliau mempunyai tenaga yang berlebihan yang entah dari mana diperolehi oleh beliau. Begitu juga Dr. Mahathir. Beliau seperti mempunyai "super-power", berkejar ke sana-sini untuk menemui rakyat dari membuat berpuluh-puluh ucapan. Tetapi saya fikir orang politik seperti Dr. Mahathir dan Dr. Ghafar sama juga seperti Tunku. Saya katakan begitu kerana apabila tidak berkempen dan berhujah seluruh anggotanya akan menjadi lemah dan tidak bermaya tetapi apabila berpolitik, semua anggotanya bergerak seperti orang muda. Sakit-sakit pun boleh juga berkempen, jadi kita mesti faham darimana datangnya tenaga itu.

Saya sepatutnya menemui Dr. Ghafar pada jam 11 pagi, 25 Jun, 1989 setelah diatitkan oleh kawan lama saya, Encik Alias Mohamad iaitu Setiausaha Akhbar beliau yang tahu benar tentang perjuangan saya selama ini. Beliau memberi perangsang kepada saya supaya meneruskan usaha-usaha saya yang murni itu. Bagaimana pun saya tidak dapat menemui Dr. Ghafar pada tarikh yang ditetapkan, kerana anak perempuan kesayangan beliau, Allahyarhamah Kartini meninggal dunia. Semua ini adalah kehendak Allah SWT. Akhirnya, saya dapat menemui Dr. Ghafar tetapi bukan di pejabat sebaliknya di kediaman beliau untuk mengucapkan takziah saya yang amat sangat.

Saya faham dengan perasaan beliau pada ketika itu. Beliau kehilangan seorang anak perempuan yang amat disayangi yang selalu menghiburkan beliau semasa beliau dalam kesunyian dan ronsing. Dr. Ghafar berkata beliau tahu yang saya dijangkakan patut menemui beliau pada hari ini, tetapi disebabkan kemalangan anaknya itu, beliau berkata saya boleh bercerita dengan beliau pada ketika itu juga. Saya menerangkan kepada beliau bahawa apa yang hendak saya sampaikan adalah penting tetapi saya boleh tunggu di masa yang sesuai. Akhirnya, satu pertemuan lain telah ditetapkan dan saya pun berasa yakin hasil yang baik akan muncul dari pada pertemuan saya itu.

Saya sudah siapkan segala apa yang hendak saya bincangkan dengan Dr. Ghafar. Saya telah meminta kepada Setiausaha Sulitnya agar dapat beliau memberikan masa yang lebih baik kepada saya kerana saya hendak berbincang panjang juga dengan Dr. Ghafar. Di antara isu-isu yang

saya hendak bangkitkan ialah tentang sikap Tunku yang saya tahu terhadap UMNO baru dan cara-cara yang saya fikirkan mungkin boleh menyelesaikan masalah UMNO baru dan UMNO lama dan seterusnya dengan harapan membawa kepada penyatuan orang-orang Melayu.

Saya telah berbincang dengan Tunku sebelum dan Tunku bersetuju tentang usaha saya itu. Apabila Dr. Ghafar dilantik oleh Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 10hb Mei 1986, saya telah mengirimi surat kepadanya untuk memberi ucapan tahniah saya.

Sambil itu saya juga ada menekankan di atas kebimbangan orang-orang Melayu tentang Dasar Ekonomi Baru yang belum mencapai matlamatnya. Saya telah membuat rayuan kepada beliau supaya dapat menolong penaja-penaja dan usahawan-usahawan bumiputra yang menghadapi masalah dalam perniagaan mereka.

Ini saya sebutkan oleh kerana saya kerap kali didatangi oleh peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan Melayu meminta jasa baik saya untuk menolong mereka di mana yang boleh lebih-lebih lagi bersabit dengan masalah mereka dengan bank.

Saya masuk ke bilik Dr. Ghafar setelah dibenarkan dan memberi salam. Dr. Ghafar menyuruh saya duduk dan terus bertanyakan samada saya masih bekerja dengan Tunku. Saya terperanjat juga mendengar pertanyaannya kerana sebenarnya saya tidak pernah bekerja dengan Tunku (*sesungguhnya satu penghormatan kepada saya jika dapat bekerja dengan YTM*).

Apa-apa tugas yang saya lakukan di masa-masa lalu hanyalah sekadar kebetulan. Sebelum sempat saya menerangkan tujuan sebenar kedatangan saya, telefon Dr. Ghafar berbunyi dan pemanggilnya ialah Dr. Mahathir. Dr. Ghafar meminta maaf kerana tidak dapat meneruskan perbincangan dengan saya.

Apabila Dr. Ghafar tidak terpilih menjadi Timbalan Perdana Menteri oleh Allahyarham Tun Hussein Onn dan memilih Dr. Mahathir, saya ada mendengar bahawa Dr. Ghafar berasa kecil hati, bukan kerana tidak terpilih tetapi Tun Hussein tidak memberitahunya sendiri sebaliknya menyampai kan perkara itu kepada Dr. Ghafar melalui setiausaha akhbarnya, Dato' Wahab Majid.

Tunku sebenarnya menghormati Dr. Ghafar kerana walaupun beliau tidak mempunyai latar belakang pelajaran akademik yang tinggi, beliau sentiasa bekerja keras dalam setiap pilihanraya demi kemenangan parti. Ini terus-terusan dilakukan oleh beliau semenjak tahun lima puluhan lagi.

Apabila Dr. Mahathir memilih Dr. Ghafar sebagai Timbalan Perdana Menteri, Tunku mengucapkan syabas dan tahniah dan menyarankan agar beliau dipanggil dengan nama yang penuh iaitu Abdul Ghafar bin Baba dan tidak Ghafar Baba sahaja. Ini disebabkan Abdul itu, mengikut Tunku, ada mempunyai hikmat dan ertinya sendiri.

Salah satu perkara yang saya tahu Tunku sebutkan kepada Dr. Mahathir ketika mereka bertemu pada 11 November 1989, ialah tentang kedudukan Timbalan Perdana Menteri. Perkara itu saya ketahui kerana sebelum ini saya ada bertanyakannya kepada Tunku iaitu apakah persoalan lain yang akan diperbincangkan olehnya dengan Dr. Mahathir selain dari masalah perpaduan. Tunku menjawab beliau akan bertanya siapakah yang akan menggantikan beliau (Dr. Mahathir) jika sekiranya perkara yang tidak baik berlaku keatas dirinya. Perkara ini timbul kerana setiap kali Dr. Mahathir keluar negeri, beliau tidak melantik pemangku Perdana Menteri seperti biasa yang diperlakukan Dr. Mahathir ketika Dato' Musa menjadi Timbalan Perdana Menteri dahulu.

Tunku bimbang tentang apa yang akan terjadi kepada negara sekiranya tidak ada Pemangku Perdana Menteri. Tunku menjadi bertambah-tambah bimbang kerana melihatkan Dr. Mahathir bekerja begitu kuat dan jarang sangat berehat. Lagipun Dr. Mahathir sudah menjalani pembedahan jantung.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir sibuk pula dengan Sidang Komanwel dan sangat mengambil berat tentang persediaannya dengan lawatan-lawatan ke tempat-tempat di mana persidangan itu akan diadakan untuk memastikan semuanya berjalan lancar. Begitu juga yang dilakukan oleh Dr. Mahathir apabila negara hendak mengadakan persidangan G-15.

Sebulan selepas pertemuan Dr. Mahathir dengan Tunku, Dr. Mahathir membuat pengesahan dalam satu perjumpaan di Johor bahawa jika sesuatu terjadi kepada beliau, Dr. Ghafar adalah orang yang sesuai mengambil tempatnya.

Saya perhatikan Dr. Ghafar telah mula diberi pendedahan oleh Dr. Mahathir dengan menghantar beliau ke United Nation dan melawat negara-negara lain untuk menarik pelabur-pelabur asing. Saya percaya beliau mampu menerajui negara jika Dr. Mahathir membuat keputusan untuk bersara cepat.

# Mengingati Tun Abdul Ghafar Baba



Penulis bertafakur di makam Tun Ghafar di Makam Pahlawan di Masjid Negara.

Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden UMNO itu yang tidak diketahui umum. Sebenarnya apabila Tun Ghafar Baba menarik diri dari bertanding sebagai Timbalan Presiden "UMNO dan semua jawatan dalam Kerajaan dan Parti beliau teras dipinggirkan seolah-olah semua jasa bakti dan pengorbanan serta sumbangan beliau di lupakan dengan sekelip mata.

Orang-orang yang pernah berkerumuni di sekeliling pinggang seperti semut menghurungi gula terus menghilangkan diri tanpa mahu lagi dilihat bersama beliau. Itulah nasib Tun Ghafar yang mungkin tidak diketahui ramai tetapi benar.

Ketika Tun Ghafar Baba masih berkuasa dan berpengaruh, beliau banyak membantu orang-orang tertentu untuk mendapatkan projek dan jawatan sebagai Senator atau gelaran seperti Tan Sri, Datuk dan lain-lain pertolongan, tetapi kesudahannya beliau keseorangan dan dilupakan sama sekali apabila Tun Ghafar Baba tidak lagi berada dalam kerajaan dan seterusnya beliau keseorangan bertarung dengan nyawa di hospital selama 7 bulan.

Sementara itu Dr. Mahathir telah melahirkan rasa terutang budinya kepada bekas Timbalan Perdana Menteri. Tun Ghafar Baba di atas khidmat dan jasanya kepada UMNO dan Kerajaan. Dr. Mahathir berasa amat sedih dengan keputusan Tun Ghafar Baba memilih untuk meletakkan jawatan dalam Kerajaan dan

Parti setelah menyumbangkan tenaga dan buah fikiran sejak sekian lama.

"Bagi diri saya, Majlis Tertinggi dan semua anggota UMNO, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Encik Ghafar kerana khidmat dan jasanya itu". Dr. Mahathir membuat sanjungan itu ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO pada 1993.

Tun Ghafar terpaksa melepaskan jawatannya setelah hanya memperoleh 7 percalonan daripada 153 bahagian UMNO bagi mempertahankan jawatan Timbalan Presiden pada pemilihan pada tahun itu (1993) berbanding dengan pencabarnya, Anwar Ibrahim yang memperoleh 145 percalonan.

Dalam ucapannya Dr. Mahathir berkata, "Ghafar telah menyumbangkan tenaga dan buah fikiran kepada Parti sejak ia ditubuhkan dan telah memegang jawatan Naib Presiden UMNO selama 25 tahun, satu rekod bagi sebarang pemimpin.

Selepas itu beliau memegang jawatan Timbalan Presiden. Saya amat terhutang budi kepada Ghafar kerana telah sanggup memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri apabila Datuk Musa Hitam melepaskan jawatan itu pada tahun 1986."

"Juga, sokongan dan kerjasama beliau menolong saya dan Parti mengatasi krisis dan pengharaman UMNO pada tahun 1980."



Tun Ghafar Baba ketika bertemu dengan rakan lama yang juga mempunyai tarikh dan tatum kelahiran yang sama iaitu Cikgu Haji Mohd. Amin bin Yassin di kediaman penulis 4 tahun dahulu sambil disaksikan oleh isteri Tun Ghafar Baba, Heryati Abdul Rahim. Mereka kenal rapat ketika samasama menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.

FORARI BUSINESS & INDUSTRIAL CONSULTANTS  
(Certified Management Consultants)

IDRIS TULIS, P.J.K. B.A.A.  
P. Mgr. (C.M.), F.M.S.D. (Hon.), C.E.I.M. (Hon.), P.M.C.M.  
Principal Consultant

9hb Mei, 1986

YB Encik Ghaffar Baba  
Pengerusi  
Kewangan Bumiputra  
Kompleks Kewangan  
Jalan Raja Chulan  
Kuala Lumpur

Yang Berhormat,

Izinkan saya untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat di atas perantukan Yang Berhormat oleh Perdana Menteri sebagai timbalan kepada beliau mulai hari esok.

Sebagai seorang ahli UMNO, sungguhpun tidak menyangang apa-apa jawatan tetapi senantiasa memberi sokongan kepada parti dan juga kepada dasar-dasar Kerajaan, saya bersama-sama merasa gembira di atas perantukan Yang Berhormat itu sebagai Timbalan Perdana Menteri. Tidak syak lagi bahawa perantukan Yang Berhormat itu mendapat sokongan bukan sahaja dari kaum bumiputra bahkan dari bukan bumiputra juga memandangkan kepada pengalaman, kebijaksanaan dan juga kepada pendedahan Yang Berhormat dalam arena politik dan perniagaan yang lampau.

Kaum bumiputra di masa ini sangat-sangat memerlukan bimbingan dan pertolongan untuk mereka memenuhi cita-cita Kerajaan untuk mencapai 30% ekuiti dan hanya dengan kesedaran dan pertolongan yang bersungguh-sungguh dari pihak Kerajaan yang akan membolehkan cita-cita tersebut tercapai. Oleh yang demikian, saya sebagai seorang peniaga dan usahawan bumiputra dan penyokong Kerajaan, berharap sangat supaya Yang Berhormat akan dapat menolong usahawan-usahawan bumiputra dalam masalah-masalah mereka, lebih-lebih lagi pada masa kemelesetan ekonomi ini.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat dan berdoa moga-moga Yang Berhormat akan dapat menjalankan tugas-tugas yang berat itu dengan kepuasan dan jayanya. Insyaallah dengan sokongan yang diberikan oleh ahli UMNO dan orang Melayu amnya maka tanggungjawab Negara yang berat itu akan dapat dipikul oleh Yang Berhormat dengan senang hati dan penuh keyakinan.

Sekian, Wasalam.

Dengan hormatnya saya,

*(Signature)*  
IDRIS TULIS.

Surat penulis kepada Encik Ghafar Baba (Tun) bertarikh 9 Mei 1986 mengucapkan tahniah atas perantukan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri serta kebimbangan penulis tentang dasar Kerajaan ketika itu untuk mencapai 30 peratus ekuiti bumiputera dalam semua bidang.



Gambar penulis bersama Tunku ketika Tunku menjamu penulis dengan makan tengah hari di kediamannya di Pulau Pinang. Gambar ini dirakamkan pada 20 Mac, 1987. Dalam perbincangan empat mata di antara penulis dengan Tunku ekoran dari pergolakan politik tanahair ketika itu, Tunku berhasrat mencadangkan kepada Dr. Mahathir supaya Ghafar Baba dilantik sebagai Gabenor Melaka atau Pulau Pinang manakala Musa Hitam di hantar ke PBB New York sebagai wakil Malaysia ke Badan Dunia Itu. Tentang Tengku Razaleigh pula, beliau mencadangkan supaya Tengku Razaleigh dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri bagi mengatasi kemelut yang berlaku dalam UMNO ketika itu..